

MPU3122

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

SELF INSTRUCTIONAL
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &
HOSPITALITY**
**BACHELOR OF COMMERCE
(HONS) IN**

TOPIK 4 ► Pemantapan Kesepaduan Nasional Malaysia

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir topik ini, pelajar boleh:

1. Menghuraikan matlamat perpaduan yang diidamkan.
2. Menghuraikan tahap kesepaduan yang dicapai.
3. Menghuraikan proses penyatupaduan yang diusahakan.

► PENGENALAN

Kepelbagaian etnik dan budaya menimbulkan pelbagai cabaran kepada sesebuah masyarakat, seperti Malaysia. Setiap komuniti misalnya mempunyai etika dan peradaban yang berbeza dan ia dijelmakan dalam pemikiran dan praktis kehidupan masing-masing. Namun kesemuanya perlu hidup dalam sebuah masyarakat Malaysia, berkongsi persamaan dan mencari titik pertemuan ketika terjadi perbezaan. Kediaan tawar menawar, berunding dan melakukan perundingan telah membawa keamanan, kestabilan dan keharmonian di Malaysia sejak Merdeka.

Inilah kesepaduan nasional yang telah wujud, didukung dan mesti terus menerus dimantapkan. Ia dilaksana melalui tiga rangkaian proses yang bergerak serentak dipacu oleh tiga motivasi, iaitu perpaduan yang diidamkan, kesepaduan yang dicapai dan penyatupaduan yang diusahakan. Tindakan membina Indeks Perpaduan Nasional (IPNas 2018) adalah suatu usaha serius untuk memantau pemantapan kesepaduan nasional. (Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, 2019)

Dalam konteks pemantapan kesepaduan nasional di Malaysia, terdapat tiga lapisan perpaduan yang perlu dicapai iaitu perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan. Perpaduan ialah suatu bentuk kesatuan yang merupakan matlamat akhir yang diidamkan dalam sebuah negara yang berbilang etnik. Kesepaduan ialah keadaan bersepadu dan menjadi kesatuan yang utuh. Keadaan yang dimaksudkan

ialah keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang dicapai tetapi diakui masih terdapat perbezaan dalam bentuk defisit sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Manakala penyatupaduan ialah proses menyatupadukan iaitu usaha berterusan pada peringkat semua lapisan masyarakat untuk menyelesaikan defisit sosial berlawanan tapak integrasi berprinsipkan tawar-menawar, perundingan dan mediasi.

Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka telah dan sedang melalui proses tersebut dari kesatuan ke perpaduan. Negeri-negeri dalam Malaya/Malaysia asalnya terikat kepada pusat-pusat yang berbeza (di bawah jajahan Siam, Belanda, Britain) sehingga di satukan oleh penjajah British. Melalui pembentukan "kesatuan" & "persekutuan" oleh pihak penjajah, akhirnya terbentuk Malayan Union pada tahun 1946, walau bagaimanapun ia ditentang dan dimansuhkan kerana tidak bertepatan dengan ideologi dan cara hidup rakyat Malaysia. Pada tahun 1948, Persekutuan Tanah Melayu dibentuk iaitu penyatuan semua negeri di Malaya. Keru kesatuan dicapai pada tahun 1957 iaitu Malaya mencapai kemerdekaan dan seterusnya meluaskan kesatuan pada tahun 1963 apabila pengisytiharan Persekutuan Malaysia dengan panggabungan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Usaha membina kesatuan sentiasa berterusan melalui usaha mewujudkan tapak integrasi iaitu satu ruang dan titik pertemuan antara kelompok strategik di Malaysia (etnik, agama, parti politik, NGO, masyarakat sivil dan lain-lain). Antara usaha yang dilakukan seperti menubuhkan Communities Liaison Committee, penubuhan parti politik bersifat muafakat (*coalition*), Pilihanraya, Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Perlembagaan Persekutuan dan beberapa simbol dan struktur kesatuan seperti Yang Di Pertuan Agong (YDPA), bendera, lagu Negaraku, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan dan Sekolah Aliran Kebangsaan.



Rajah: Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)

Namun usaha ini pernah mencapai kegagalan apabila pada 13 Mei 1969, kesatuan yang dibina pecah berderai akibat rusuhan kaum yang berlaku pada tahun tersebut. Pada tahun 1970 iaitu ketika pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-2, Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan dengan memberi penekanan kepada perpaduan negara bagi memantapkan lagi kesepaduan di Malaysia. Namun setelah lebih 50 tahun berlalu, kemantapan kesepaduan yang dihasratkan masih belum berada pada aras yang dihasratkan. Ia boleh retak pada bila-bila masa jika tiada usaha berterusan dilaksanakan dalam negara.

Pada tahun 2018, indeks Perpaduan Nasional (IPNas) diasaskan pertama kali dalam sejarah Malaysia sebagai satu usaha membina dan memantapkan kesepaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan kaum.

4.1 MATLAMAT PERPADUAN YANG DIIDAMKAN.

Perpaduan menjadi matlamat setiap bangsa dan negara agar hidup sentiasa harmoni dan tenteram tanpa menggugat keamanan. Tanpa keamanan, rakyat tidak akan hidup selesa dan negara akan bergolak setiap masa. Hal ini boleh dilihat di negara-negara bergolak apabila peperangan sentiasa berlaku dan rakyat hidup dalam keadaan bergantung kepada bantuan luar. Kanak-kanak, perempuan dan orang tua menjadi mangsa dan kebuluran serta kemiskinan yang tidak terpisah daripada kehidupan. Betapa pentingnya perpaduan perlu dibina dan dipupuk agar ianya menjadi sesuatu budaya dan amalan kehidupan oleh setiap rakyat dalam negara ini.

Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah dan Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyatakan, "Perpaduan sebagai suatu hasrat yang diidamkan adalah sukar diukur, dilihat secara nyata mahupun berkekalan. Perkara ini biasanya hadir mengikut keadaan, keperluan dan detik-detik tertentu secara formal atau tidak formal dalam kehidupan seharian masyarakat".

A. DETIK PERPADUAN

Detik Perpaduan adalah saat yang boleh dilihat berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat. Antara suasana yang sering dilihat menunjukkan muncul perpaduan adalah detik-detik ketika pergaulan di pasar, mengadakan majlis perkahwinan, tempat makan, sokongan dalam sukan, memberi bantuan ketika bencana, mengunjungi tempat percutian, menikmati cuti umum pelbagai perayaan, hadir menonton filem di pawagam dan sebagainya.

Detik-detik Perpaduan di Malaysia

i. Permainan Bola Sepak

Perlawanan bola sepak adalah antara satu daripada saat dan detik Perpaduan yang jelas dapat dilihat dikalangan rakyat Malaysia apabila semua bangsa tanpa mengira kaum dan keturunan sama-sama memenuhi stadium bagi menyokong pasukan masing-masing. Mereka menyokong pasukan masing-masing tanpa melihat pasukan mereka terdiri daripada kaum atau bangsa berlainan atau tidak.

Budaya ini harus diteruskan dan diterapkan dalam setiap generasi rakyat Malaysia agar ia menjadi alat perpaduan utuh ribuan penyokong bola sepak Malaysia yang dikenali sebagai Harimau Malaya, supaya ia tetap 'mengaum, setiap kali perlawanan bola berlangsung khususnya apabila Malaysia menjadi tuan rumah di stadium keramat iaitu Stadium Nasional, Bukit Jalil.

ii. Perkahwinan: "Street Wedding"

Sering kita menghadiri majlis perkahwinan saudara mara atau kenalan yang diadakan di taman-taman perumahan selain diadakan di dewan-dewan besar. Jika majlis perkahwinan yang diadakan di dewan besar, ianya tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat memandangkan terdapat ruang yang khas berserta tempat letak kereta yang cukup.

Namun lain pula suasananya apabila majlis perkahwinan dilakukan di taman-taman perumahan. Ianya menimbulkan suasana yang sesak dan kawasan meletak kenderaan para tetamu sangat terhad dengan kehadiran ramai jemputan. Jika dilihat kepada peruntukan undang-undang dalam negara, ianya merupakan satu kesalahan iaitu mendirikan dan menyelenggara sesuatu halangan di tempat awam. Tetapi pernahkah anda terdengar keluarga pasangan pengantin didakwa di mahkamah kerana menganjurkan majlis perkahwinan di kawasan taman perumahan?

Inilah detik perpaduan yang wujud di kalangan rakyat Malaysia iaitu bertolak ansur dalam perkara tersebut kerana sikap saling memahami antara satu sama lain tanpa mengira agama dan budaya. Namun demikian, sebagai penganjur, eloklah memohon kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu supaya tidak timbul perkara-perkara yang menyusahkan semua pihak di masa hadapan.

iii. Kesihatan

Jika anda sakit, sudah tentu klinik atau hospital yang akan menjadi tempat kunjungan untuk memeriksa masalah kesihatan dan mendapatkan rawatan. Tidak kira apa jenis bangsa masyarakat Malaysia sekalipun, maka klinik dan hospital akan menjadi tempat rujukan setiap rakyat dalam mendapatkan rawatan terhadap sebarang masalah kesihatan yang dihadapi. Begitu juga dengan pegawai yang bertugas sama ada doktor, jururawat, pembantu hospital dan semua kakitangan hospital tanpa mengira kaum akan memastikan pesakit yang datang akan diberikan rawatan yang sepatutnya.

Suasana ini berlaku di semua klinik dan hospital di Malaysia dan ianya sesuatu yang menjadi detik perpaduan dikalangan rakyat yang mesti diteruskan malah dibanggakan. Sebagai doktor ataupun jururawat, mereka tetap akan merawat pesakit yang datang walaupun berlainan bangsa dan agama kerana itulah tugas mulia yang harus semua rakyat berbangga khususnya ketika sesuatu wabak penyakit berjangkit melanda seluruh negara.

iv. Makanan

Di Malaysia terdapat pelbagai jenis makanan dan minuman, antaranya nasi lemak, teh tarik, roti canai, soto, bakso dan sebagainya. Semua jenis makanan ini dimakan oleh setiap bangsa di Malaysia tanpa mengira rupa dan warna kulit. Hal ini amat baik untuk penyatuan semua bangsa di Malaysia kerana perbezaan yang pelbagai ini dimanfaatkan untuk panyatuan bangsabangsa di Malaysia tanpa melihat ianya sebagai batasan atau halangan.

Nasi lemak dinikmati oleh semua bangsa walaupun ianya merupakan makanan kaum Melayu. Begitu juga dengan makanan kaum Cina, contohnya masakan char koay teow dinikmati oleh semua bangsa termasuk Melayu dan India. Makanan yang terkenal dikalangan bangsa India pula menjadi makanan semua bangsa. Inilah yang perlu rakyat Malaysia berbangga kerana melalui makanan ia boleh menjadi alat perpaduan kita semua.

v. Pemain Sukan

Kenalkah anda dengan nama Datuk Lee Chong Wei? Sudah pasti hampir semua rakyat Malaysia mengenali nama tersebut iaitu Pemain badminton nombor satu Malaysia. Walaupun Datuk Lee Chong Wei adalah berbangsa Cina, namun semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa menyokong dan meminati setiap perlawanan beliau di setiap pertandingan badminton.

Begitu juga dengan pemain-pemain sukan yang lain. Tidak kira apa bangsa dan agama, ianya tidak menjadi halangan untuk peminat dan menonton menyaksikan dan menyokong setiap aksi yang dipersembahkan kerana pemain sukan bukan bermain untuk diri mereka, malah mereka bermain untuk negara. Begitu juga dengan penyokong, mereka tidak menyokong individu sebagai ahli sukan, tetapi menyokong ahli sukan tersebut sebagai pemain yang mewakili negara.

B. DETIK PERBEZAAN

Apakah perkara yang membezakan antara anda dengan orang di sekeliling anda? Adakah perbezaan-perbezaan ini menyukarkan kehidupan anda setiap hari? Kita tidak boleh lari daripada perbezaan khasnya berkaitan dengan agama dan budaya bangsa Malaysia. Perbezaan ini perlu dilihat daripada aspek positif untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan hubungan antara kaum.

Detik-detik Perbezaan

i. Sambutan Perayaan

Detik perbezaan dalam sambutan perayaan di Malaysia jelas kelihatan kerana sambutan perayaan selalunya mempunyai kaitan dengan kebudayaan dan agama setiap agama yang pelbagai. Namun hal ini tidak boleh dilihat sebagai perbezaan yang akan menggugat perpaduan bangsa kerana setiap budaya dan agama mempunyai ciri-ciri yang tertentu.

Setiap warga perlu berjiwa besar dan berlapang dada dalam menghadapi isu sambutan perayaan sebagai suatu sambutan tahunan semua bangsa di Malaysia. Malah aktiviti kunjung mengunjung yang tidak berkaitan dengan hal-hal keagamaan perlu diteruskan agar perpaduan yang ada semakin utuh dan padu.

ii. Jenayah

Apabila berlaku sesuatu jenayah, pastinya kita akan melihat apakah jenis jenayah yang dilakukan. Apabila telah pasti sesuatu jenayah tersebut, maka akan terlintas dalam minda siapakah yang terlibat

dalam jenayah tersebut. Hal ini adalah satu sikap yang salah kerana semua jenayah tidak ada kaitan dengan sesuatu bangsa.

Setiap bangsa dan agama terdedah dengan apa jua jenayah. Jika seseorang tidak mempunyai jati diri yang kuat dan pegangan agama yang kukuh, maka apabila berdepan dengan sesuatu perkara, maka akan berlaku pelanggaran had yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sebagai warganegara, kita haruslah patuh kepada setiap peraturan dan undang-undang negara kerana hukuman tidak melihat bangsa untuk ianya dijatuhkan oleh pihak mahkamah.

iii. Tempat kerja

Telah timbul isu berkenaan tempat kerja yang memilih bangs-bangsa tertentu dan syarat-syarat tertentu. Hal ini sudah tentu merupakan sesuatu yang akan menggugat perpaduan bangsa jika tidak ditangani dengan baik. Isu tempat kerja tidak harus timbul sebagai salah satu detik perbezaan yang akan menggugat perpaduan kaum memandangkan pekerjaan tidak terikat kepada bangsa atau kaum.

Sebagai warganegara isu tempat kerja perlu dilihat sebagai salah satu peluang untuk meningkatkan produktiviti kerana berlainan bangsa dan agama akan memberikan pelbagai idea dan usaha untuk majikan memperolehi manfaat yang pelbagai dikalangan pekerjanya.

iv. Pengebumian

Pengebumian mempunyai kaitan dengan anutan agama seseorang. Walau bagaimanapun, agama tidak menghalang untuk seseorang penganut bersedih dan menghormati atas kehilangan salah seorang ahli keluarga yang berlainan bangsa dan agama. Ziarah menziarahi juga digalakkan sebagai memberikan sokongan kepada ahli keluarga yang kematian orang Yang disayangi. Lebih bermakna lagi apabila bantuan dihulurkan kepada waris Yang kehilangan tempat bergantung dan dapat membantu mereka Yang memerlukan.

4.2

TAHAP KESEPADUAN SOSIAL YANG DICAPAI

A. Kesepaduan Nasional

Kesepaduan nasional bermaksud penyatuan pelbagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial dan kebudayaan yang berbeza lalu menjadi satu entiti fizikal. Penyatuan ini lebih merupakan penyatuan yang berbentuk zahir dan luaran.

Hasil daripada penyatuan ini keadaan akan menjadi aman, stabil, makmur dan sejahtera. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan masih terdapat perbezaan dalam bentuk defisit sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat di negara kita ini.

Dalam usaha mewujudkan kesepaduan nasional, alat yang utama sebagai teras kesepaduan nasional ialah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dua perkara ini menjadi tunjang utama kepada kesepaduan nasional.

Kesepaduan nasional amat penting untuk mewujudkan masyarakat yang dinamik. Masyarakat dinamik akan mewujudkan kelompok petani tradisional kepada petani komersial industri, golongan miskin kepada kelas menengah dan masyarakat kampung kepada warga kosmopolitan.

Daripada segi kemajmukan bangsa, akan wujud pelbagai etnik dan budaya modeniti yang mengutamakan kestabilan dan kemajuan. Mereka berkongsi norma hidup, persamaan nilai dan kerencaman sosial. Hal ini merentasi hubungan horizontal antara etnik dan agama sekaligus dapat membina negara bangsa dan keharmonian integrasi kaum dalam mencapai status negara maju.

B. Kesepaduan Sosial & Defisit Sosial

i. Kesepaduan Sosial

Kesepaduan sosial adalah antara teras penting dalam menjamin semua bangsa di Malaysia berada dalam keadaan aman dan harmoni. Ia merupakan asas utama kepada keadaan yang stabil tanpa ada sebarang konflik dalam masyarakat di Malaysia. Konsep kesepaduan sosial yang diasaskan oleh kerajaan adalah sebagai formula penting untuk menguruskan masyarakat yang berbilang kaum dan agama khususnya di Malaysia.

Menurut Mohd Syariefudin Abdullah et al (2016), terdapat enam dimensi yang ada dalam kesepaduan social seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

Dimensi	Huraian
Kepunyaan - Pemencilan	Ia mrujuk kepada kewujudan atau ketidakhadiran nilai-nilai yang dikongsi dan perasaan identiti yang sama.
Rangkuman - Pengecualian	Merujuk kepada tahap kesaksamaan dan peluang dalam kalangan warga dalam ekonomi khususnya pasaran.
Penyertaan - Ketakterlibatan	Ia berfokus kepada penyertaan dalam politik dalam kalangan rakyat, sama ada di tahap pusat atau local dalam sesebuah kerajaan.
Pengiktirafan – Penolakan	Merujuk kepada kebimbangan terhadap perbezaan atau toleransi ke atas kepelbagaian dalam masyarakat.
Setaraf – Tidak setara	Merujuk kepada penyelenggaraan legitimasi dalam politik dan institusi social – dari tahap negeri kepada individu dalam masyarakat yang memunyai perbezaan minat.
Kesamaan - Ketidaksamaan	Merujuk kepada persamaan dan peluang yang sama dalam kalangan masyarakat tanpa mengira etnik, agama, budaya dan Bahasa.

Jadual : Dimensi kesepaduan nasional.

ii. Defisit Sosial

Defisit sosial ialah isu dan hal yang belum selesai perlu diusahakan penyelesaiannya satu persatu, memerlukan waktu dan kesabaran semua pihak, perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan berasaskan prinsip tawar-menawar, perundingan ataupun mediasi. (Dr Shamsul Amri Baharuddin, 2019).

Sepuluh perkara utama yang menjadi topik kepada isu defisit sosial iaitu:



lanya melibatkan isu-isu yang jika tidak ditangani dengan berhemat akan menjadi punca kepada runtuhnya kesepaduan sosial yang ingin dibangunkan. Perkara-perkara seperti kenyataan berbau sensitif etnik, agama dan perlembagaan, pilihanraya, krisis ekonomi, dasar awam baru, kegagalan pembangunan, rasuah dan tadbir urus tidak berintegriti boleh menghancurkan apa yang telah dibina selama ini dan akan menjadi barah jika tidak dikawal.

Antara langkah-langkah dalam menghadapi defisit sosial ialah:

- #1. Kesepaduan sosial dalam aspek politik federalisme.
- #2. Kesepaduan sosial dalam aspek bahasa
- #3. Kesepaduan sosial dalam aspek etnisiti.
- #4. Kesepaduan sosial dalam aspek agama.

Penerangan:

- i. **Kesepaduan Sosial Dalam Aspek Politik Federalisme.** Parti- parti politik pembangkang sebelum ini membentuk Pakatan Harapan, memenangi PRU Ke-14 tanpa pertumpahan darah, dan membentuk kerajaan dalam tahun 2018. Tidak seperti sesetengah negara yang menghadapi pilihanraya sehingga terdapat kematian dan kehilangan harta benda akibat rusuhan dan tunjuk perasaan dari kalangan penyokong parti yang bertanding.
- ii. **Kesepaduan Sosial Dalam Aspek Bahasa.** Bahasa Melayu adalah salah satu alat yang dapat menyatupadukan rakyat Malaysia. Penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah, agensi kerajaan mahupun swasta dapat menjadi bahasa penyatuan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.
- iii. **Kesepaduan Sosial Dalam Aspek Etnisiti.** Di beberapa negeri seperti di pantai timur, masyarakat Melayu dan Cina mempunyai hubungan yang sangat erat. Sebagai contoh, masyarakat Cina di Kelantan boleh bercakap dialek Kelantan tanpa telor atau pelat. Hal ini adalah sesuatu yang perlu ditonjolkan terutama masyarakat Cina di bandar supaya jurang dalam aspek etnisiti dapat dikurangkan.

- iv. **Kesepaduan Sosial Dalam Aspek Agama.** Keharmonian dalam kepelbagaian bangsa ini menjadikan Malaysia negara yang sering dicontohi masyarakat antarabangsa. Namun sebagai negara dengan rakyat berbilang kaum dan budaya, kadangkala masyarakat kita berdepan isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman dan keharmonian seperti perbezaan kefahaman mengenai agama, budaya dan kaum masing-masing. Justeru, perbezaan dan kepelbagaian ini perlu ditangani dengan baik untuk mengelakkan tercetusnya sebarang perkara tidak diingini.

C. Etos Nasional

Maksud etos menurut Kamus Dewan ialah sifat ciri sesuatu bangsa, budaya, era dan lain-lain. Ia berasal daripada perkataan Greek yang membawa makna perwatakan atau karakter. Menurut Mansor et al. (2006), perkataan etos berasal daripada perkataan etika, sikap, keperibadian, watak, karakter, serta keyakinan atas sesuatu perkara.

Pendapat Perdana Menteri Malaysia yang keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad (1992) mengenai etos bangsa pula menyatakan:

"...building a nation out of diverse people with differing historical, ethnic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared historical experiences, (2) shared values, (3) a feeling of common identity, (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment, and (7) an emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos" (Mahathir Mohamad, 1992)

Secara kesimpulannya, etos Nasional Bangsa Malaysia menurut pendapat Tun Mahathir ialah:

- i. Perkongsian sejarah
- ii. Perkongsian Nilai
- iii. Perasaan Kekitaan Bersama
- iv. Perkongsian Masa Depan
- v. Kesetiaan
- vi. Komitmen
- vii. Keterikatan Emosi Negara

Menurut Nazri Muslim (2016), terdapat beberapa dimensi utama yang dapat menjelaskan etos bangsa sesebuah masyarakat. Etos bangsa terbina apabila masyarakat berkongsi nilai yang sama. Nilai masyarakat yang dikongsi bersama merangkumi elemen kerjasama, menghormati setiap individu, toleransi, disiplin diri (etika atau moral) dan demokrasi. Di samping itu, etos bangsa juga akan terbina melalui perkongsian perasaan dan semangat. Perasaan dan semangat dalam konteks etos bangsa dapat dikategorikan kepada perasaan kekitaan, semangat patriotisme dan nasionalisme, dan perasaan sebagai seorang warganegara Malaysia.

Masyarakat multietnik Malaysia juga membawa suatu identiti tersendiri. Identiti bangsa Malaysia merujuk kepada beberapa sub-dimensi iaitu bangsa Malaysia, bahasa Malaysia, simbol-simbol negara dan beli barang buatan Malaysia. Sesebuah masyarakat yang tidak mempunyai kesedaran tentang etos

bangsa tidak akan berupaya untuk hidup sebagai satu unit kolektif apatah lagi untuk membentuk sebuah negara-bangsa yang ideal.

Etos nasional menjadi pusat kepada agenda pembinaan negara- bangsa khususnya dalam konteks untuk mencapai matlamat perpaduan negara dan integrasi nasional. Etos nasional perlu mempunyai ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain dan yang mengikat individu dengan negara. Ciri-ciri unik etos nasional merangkumi empat dimensi utama iaitu nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan dan identiti.

4.3 PROSES PENYATUPADUAN YANG DIUSAHAKAN.

Usaha proses penyatupaduan oleh kerajaan ialah apabila terbinanya satu model integrasi kesepaduan nasional yang dinamakan sebagai Indeks Perpaduan Nasional 2018 (IPNas). Model ini menyenaraikan tiga perkara utama sebagai asas dalam menentukan indeks perpaduan iaitu perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan.

IPNas merupakan rujukan untuk mencipta usaha membina tapak integrasi dengan menggunakan panduan Mengenalpasti Kategori Defisit Sosial untuk memperbaiki kekurangan tersebut.



Rajah: Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)

A. Etnik - Tahap Keetnikan, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik.

Etnik bermaksud sesuatu yang berkenaan bangsa manusia. Berikut adalah komponen dalam IPNas yang berkaitan dengan etnik iaitu:

- Konstruk Tahap Keetnikan: mempunyai 3 komponen iaitu keetnikan, kemodenan dan kestabilan.
- Konstruk Batas Etnik: mempunyai 4 komponen iaitu material, status, tuntutan sosial dan tindakan gantian.

- iii. Konstruksi Hubungan Sosial Rentas Etnik: mempunyai 3 komponen iaitu hubungan etnik antara individu, hubungan etnik dalam komuniti dan tahap keaktifan penyertaan dalam institusi.

B. Alat Penyatupaduan - Tawar-menawar, Perundingan dan Pengantaraan.

Alat penyatupaduan ialah satu formula dan usaha berterusan pada peringkat semua lapisan masyarakat untuk menyelesaikan defisit sosial berwujudan tapak integrasi berprinsipkan tawar-menawar, perundingan dan mediasi.

Tapak Integrasi adalah anak kunci kepada kesepaduan. Proses. proses tapak integrasi berlaku melalui tindakan berikut:

- i. Kesepaduan Dari Atas Ke Bawah
 - a. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang bersifat kelompok dan strategik.
 - b. Wujud semenjak 1970, bilangan ahli mencecah lebih kurang 8500 ahli di seluruh negara.
 - c. Terus mekar & matang, bermula dari orientasi sekuriti ke agen pembangunan.
- ii. Bawah Ke Atas
 - a. Peranan NGO sebagai pengagih habuan pembangunan.
 - b. NGO sebagai agen pemantauan pelaksanaan program untuk kaum minoriti.
- iii. Inisiatif Akar Umbi
 - a. Pelaksanaan 'Street Wedding' iaitu majlis perkahwinan rakyat yang berlangsung di seluruh negara setiap hujung minggu.
 - b. Inisiatif kelompok akar umbi paling berkesan tanpa penglibatan pemerintah secara langsung (seperti ibu bapa mendidik anak untuk bertoleransi terhadap kaum-kaum lain, menghormati bendera Malaysia dan sebagainya).



SOALAN PENGHAYATAN

Defisit sosial ialah isu dan hal yang belum selesai dan boleh merosakkan perpaduan. Melalui pengalaman atau pembacaan anda, kongsi bagaimana perkara-perkara di bawah boleh memusnahkan perpaduan masyarakat Malaysia:

- i. etnisiti
- ii. agama
- iii. jantina
- iv. kelas sosial
- v. politik
- vi. pendidikan
- vii. perbezaan bandar dan desa
- viii. bahasa
- ix. jurang generasi
- x. media massa

RINGKASAN

- Kesepaduan nasional bermaksud penyatuan pelbagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial dan kebudayaan yang berbeza lalu menjadi satu entiti fizikal.
- Kesepaduan nasional dilaksanakan melalui tiga rangkaian proses yang bergerak serentak dipacu oleh tiga motivasi, iaitu perpaduan yang diidamkan, kesepaduan yang dicapai dan penyatupaduan yang diusahakan.
- Defisit sosial ialah isu dan hal yang belum selesai dan perlu diusahakan penyelesaiannya melalui tawar menawar, perundingan ataupun mediasi.
- Etos bangsa Malaysia termasuk perkongsian sejarah, perkongsian nilai, perasaan kekitaan bersama, perkongsian masa depan, kesetiaan, komitmen dan keterikatan emosi negara.
- Indeks Perpaduan Nasional 2018 (IPNas 2018) merupakan satu model integrasi kesepaduan nasional yang menyatakan tentang perpaduan yang diidamkan, kesepaduan yang dicapai dan penyatupaduan yang diusahakan.

RUJUKAN

1. Nazri, M. (2020). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
2. Shamsul Amri Baharuddin. (2019, Oktober 15). *Seminar Penyelidikan IPNas 2019: Dari kesatuan ke perpaduan. IPNas sebagai pengukur*.
3. Siti Zaharah Setapa, Hasnah Hussiin, Nur Afifah Saharudin, Norhaslina Sulaiman, Mohd Rosdi Ripin, Solehah Samsudin, Zuharyati Yusof. (2022). *Siri Politeknik: Penghayatan Etika dan Peradaban*. Selangor: Penerbit Ehsan.